



## Pelajar, petugas UPSI santuni barisan hadapan sekitar Daerah Muallim

Oleh Ihsan Noorzali - April 10, 2023 @ 11:21pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Nik Ahmad Nuri menyerahkan sumbangan kepada Ketua Balai Polis Tanjung Malim, Inspektor Yadalhi Taim.

TANJUNG MALIM: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) tampil menganjurkan program menghargai petugas barisan hadapan yang menaburkan khidmat kepada komuniti setempat dan masyarakat tanpa mengira waktu di sekitar daerah ini.

Program Imarah Sahur Santuni Frontliners itu dijayakan dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Behrang; Balai Polis Tanjung Malim serta Ibu Pejabat Daerah Polis Slim River.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), Prof Dr Norkhalid Salimin, turut serta menyantuni petugas barisan hadapan sepanjang program itu.

"Saya bersyukur kerana dapat turut serta bersama MPP sepanjang pengagihan juadah sahur bersama petugas barisan hadapan di sekitar daerah Muallim.

"Semoga melalui program tahunan sebegini dapat mengeratkan lagi ukhuwah antara mahasiswa UPSI dengan komuniti setempat," katanya.

Beliau berkata, selain barisan MPP dan petugas UPSI, frontliners sekitar daerah ini juga banyak membantu mahasiswa UPSI dari segi kebajikan dan keselamatan.

Yang Dipertua MPP UPSI, Nik Ahmad Nuri Nik Ismail, berkata sepanjang program itu, mereka menyantuni petugas di Balai Polis Hulu Bernam; Balai Bomba Tanjung Malim; Balai Polis Tanjung Malim; Klinik Kesihatan Tanjung Malim; Jabatan Pertahanan Awam Muallim; Balai Bomba Slim River, Bahagian Kecemasan Hospital Slim River; Plaza Tol Slim River dan IPD Slim River.

Program yang membabitkan 100 petugas itu, katanya diadakan bertujuan menyantuni barisan hadapan yang terdiri daripada anggota polis, bomba dan petugas kesihatan dengan mengagihkan juadah sahur sempena Ramadan pada kali ini, selain berkongsi rezeki dengan masyarakat sekeliling bagi memupuk sifat empati dalam kalangan mahasiswa.

"Melalui program ini, kami dapat menzahirkan penghargaan kepada barisan hadapan yang sentiasa menjaga keselamatan komuniti setempat, terutama ketika pandemik COVID-19 melanda," katanya.

Turut serta pada program itu termasuk ADUN Behrang, Salina Shamsudin dan Ketua Penolong Pegawai Daerah Muallim, Anis Zaihasmy Zainal Abidin, bagi mengagihkan edaran makanan kepada setiap petugas di tempat yang dilawati.

Program itu dimulakan dengan sesi taklimat oleh Ketua Balai Polis Tanjung Malim, Inspektor Yadalhi Taim dan disusuli dengan pelepasan konvoi di hadapan pintu gerbang utama, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Konvoi Program Imarah Sahur Santuni Frontliners berakhir di IPD Slim River bagi sesi Majlis Penutupan dan Sahur Jamaie bersama barisan hadapan di IPD Slim River.

Pengarah Program, Nur Khairunnisa Ezani berkata, program tahunan kali ketiga ini dilaksanakan MPP UPSI itu adalah inisiatif bagi mengenang jasa serta penat lelah petugas barisan hadapan yang bekerja keras demi menjaga keselamatan orang awam dan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat luar.

"Semoga melalui program ini, mahasiswa akan lebih dekat dengan petugas barisan hadapan serta komuniti setempat," katanya.